

Peranan ibu bapa atasi penyalahgunaan dadah

SINAR 14/4/08 528

Aspek agama dan moral perlu diberi penekanan agar anak-anak mereka dapat membentuk jati diri dan akhlak yang baik.

■ SITI HAZLINDA TAHIR

KUALA LUMPUR - Ibu bapa memainkan peranan utama dalam usaha mencegah dan mendidik anak-anak mereka agar tidak terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tuan Azimin Tuan Deraman berkata, ibu bapa perlu lebih mengenali lebih mendalam perwatakan selain membesarkan anak-anak mereka.

"Penumpuan dari aspek kasih sayang kepada anak-anak penting supaya mereka akan sentiasa dekat kepada kita dan tidak mudah beralih arah kepada kawan-kawan mereka.

"Ada di kalangan anak-anak yang suka meminta bantuan daripada kawan-kawan mereka untuk meluahkan masalah kerana sikap ibu bapa yang tidak mendekati," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Kenali Anak Anda anjuran Biro Bina Bangsa Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Kuala Lumpur (PIBGKL) dengan kerjasama AADK dan Sekolah Menengah



Sebahagian peserta yang hadir dalam program tersebut termasuklah guru-guru di sekolah sekitar Wangsa Maju.

Kebangsaan (SMK) Setapak Indah di sekolah berkenaan.

Sebanyak 12 sekolah terlibat dalam program tersebut termasuk tujuh buah sekolah kebangsaan dan lima buah sekolah menengah kebangsaan di sekitar Wangsa Maju.

Menurut Tuan Azimin, sekiranya kawan-kawan mereka di kalangan golongan yang baik, ibu bapa perlu bersyukur dan jika sebaliknya pasti akan memudaratkan. Selain itu, aspek agama dan moral perlu diberi penekanan agar anak-anak dapat membentuk jati diri dan akhlak yang baik.

"Apabila anak-anak tersebut mempunyai moral yang tinggi, Insya-Allah dia begitu mudah untuk menolak gejala tersebut," katanya.

Tegas beliau, hasil ujian air kencing yang dijalankan di sekolah-sekolah tahun lepas menunjukkan seramai sembilan pelajar terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

"Walaupun angka tersebut tidak membimbangkan, namun kami sentiasa memantapkan pengisian program penerangan mengenai bahaya penyalahgunaan dadah dalam usaha memberi kesedaran kepada mereka mengenai perkara ini.

"Ini termasuk asuhan murni, program intensif pelajar dan sebagainya," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Biro Bina Bangsa Pakatan merangkap Biro Briged Putri Mimbar Permuafakatan Ibu Bapa Nasional (MAPIN), Datin

Ismalina Ismail berkata, antara objektif program tersebut termasuklah memberi penerangan dan pendidikan kepada ibu bapa secara lebih mendalam bagi mengenal pasti anak-anak yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

"Di samping itu, program ini akan meningkatkan permuafakatan dalam usaha pencegahan dadah secara bersepadu di kalangan ibu bapa dan warga sekolah bersama pihak kerajaan dan badan bukannya kerajaan," katanya.



"Penumpuan dari aspek kasih sayang kepada anak-anak penting supaya mereka akan sentiasa dekat kepada kita dan tidak mudah beralih arah kepada kawan-kawan mereka. Ada di kalangan anak-anak yang suka meminta bantuan daripada kawan-kawan mereka untuk meluahkan masalah kerana sikap ibu bapa yang tidak mendekati."

Tuan Azimin Tuan Deraman